

Qalam

Bilangan 29 Rabiul Awal 1372 – Disember 1952 60 sen

YANG HAQ DAN YANG BATHIL

Dalam sedikit masa yang lalu Haji Abdullah Fahim “Mufti” Pulau Pinang dan Seberang Perai telah menyiarkan beberapa kenyataan atas perkara yang digelar olehnya “Ahlul Sunnah Wal Jamaah” yang telah dikatakan membawa pengajaran-pengajaran yang wajib ditegah oleh kerana mereka itu tidak membawa pengajaran mengikut mazhab yang empat – dan kerana ini adalah menjadi suatu kewajipan kepadanya. Dengan siarnya itu, mencegah merebaknya fahaman golongan-golongan ini yang bersandar kepada Al-Quran dan Al-Hadith semata-mata itu. Yang demikian ini adalah mendapat perhatian yang utama daripada umum umat Islam bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di lain-lain tempat dengan kerana orang-orang nampaknya telah faham mengapa sebabnya orang-orang yang berpegang kepada Al-Quran dan Al-Hadith itu dikatakan agama baharu dan dikatakan pula perpegangan mereka itu salah sedang cara menyalahkan itu tidak pula memberi keterangan-keterangan yang jelas daripada Al-Quran dan Al-Hadith bagi menyalahkan keyakinan dan iktikad mereka yang berpegang dengannya.

Oleh kerana memandang perkara ini suatu perkara yang mustahak diperhati dan diselidik maka kita telah meminta wakil kita di Pulau Pinang menyiasat perkara ini dan daripada penyiasatannya itu dapatlah kita punca mengapa maka “Mufti” Pulau Pinang itu telah mengeluarkan tentangan kepada langkah-langkah yang dijalankan atau yang dikatakan mereka salah itu. Sebelum kita memberi fikiran moleklah dahulu pembaca-pembaca memerhati keterangan yang kita dapati daripada wakil kita itu yang maksudnya menyatakan bahawa masalah yang terbit itu seolah-olah mengulang kepada masalah yang dibawa

oleh Almarhum Al-Syed Syekh Al-Hadi dahulu.

Di Pulau Pinang sekarang telah ada seorang guru yang sedang bekerja dengan bersungguh-sungguh menentang ajaran-ajaran bidaah dan karut-marut yang ditambah-tambahkan dalam hukum agama yang dianjurkan oleh alim ulama yang bertaklid buta sehingga sangat payah bagi orang-orang awam untuk menentukan adakah suatu yang bidaah dan karut itu sebenarnya daripada pengajaran agama Islam ataupun daripada suatu perkara yang diada-adakan dan ditambah oleh alim ulama itu. Tuan guru itu ialah Tuan Haji Ibrahim Aqibi yang di dalam pengajarannya adalah disandarkannya semata-mata kepada Al-Quran dan Al-Hadith dan jika tidak didapati keterangan-keterangannya daripada kedua-dua tempat itu maka baharu memakai ijmak sahabat dan jika tidak ada juga di sana maka baharu meletakkan ijihad dengan mengkiaskan kejadian-kejadian itu kepada sesuatu yang boleh dikiaskan.

Pengajaran-pengajaran yang tidak didapati daripada keterangan-keterangan ini tidak diterima oleh mereka dan mereka tidak mahu menerima ajaran-ajaran atau fatwa-fatwa rekaan dari alim ulama yang hanya beralaskan kepada qala dan qil – tidak daripada Al-Quran dan Al-Hadith. Sepanjang keterangan yang kita dapati menyatakan bahawa ajaran-ajaran Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu semuanya mempunyai dalil-dalil dan alasan dari Al-Quran dan Al-Hadith dan kerana pengajaran-pengajarannya itu tetap dan sesuai kepada kehendak-kehendak dan alasan-alasannya maka banyak penuntut-penuntut (pengikut-pengikutnya) di Pulau Pinang oleh kerana ia berusaha bersungguh-sungguh mengajar ilmu agama yang bersih daripada bidaah dan khurafat yang direka dan dibuat oleh orang-orang. Lalu mereka menyedarkan kepada ajaran agama.

Dengan kerana ajaran yang demikian itu – sebagaimana juga di Indonesia dahulu maka pengajaran yang dibawa oleh Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu tentulah berlawanan dengan ajaran guru-guru agama di pondok-pondok dan ibadat-ibadat yang diamalkan adalah berlainan daripada ibadat yang bercampur dengan bidaah dan khurafat yang diamalkan oleh ahli-ahli agama yang mengikut

kelaziman datuk nenek yang berzaman-zaman itu dengan tidak sedikit pun menyiasat benar atau batilnya di dalam amalan-amalan itu. Dengan kerana ini maka menurut keterangan yang kita dapati Tuan Haji Ibrahim Aqibi dipandang serong oleh guru-guru agama dan alim ulama yang bertaklid buta – itu sebagaimana juga mereka telah memandang mudah kepada Almarhum Al-Syed Syekh Al-Hadi yang telah bekerja memerangi amalan ibadat yang karut marut dan khurafat itu dahulu. Berbagai-bagai sekatan dikenakan telah dicuba menahan Tuan Haji Ibrahim Aqibi mengajar ajaran-ajarannya yang berasas kepada Al-Quran dan Al-Hadith itu diadakan oleh pihak alim ulam yang menentanginya tetapi malangnya semakin dicuba hendak menahan dikatakan semakin banyak orang yang menuntut kepadanya dan sekarang Tuan Haji Ibrahim Aqibi sedang mendapat sambutan sehingga ke Balik Pulau kerana orang-orang di tempat itu telah terbuka di hati mereka dengan pengajarannya – baik orang tua-tua dan orang-orang muda lelaki perempuan. Halangan-halangan tidak setakat itu sahaja tetapi terkadang-kadang mereka cuba hendak menggunakan kuasa polis ke atasnya – semuanya tidak berjaya.

Menurut keterangan penyiasatan wakil kita itu bahawa setengah-setengah ulama termasuk juga mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai itu mengaku pengajaran Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu tidak salah tetapi mereka sendiri mengaku tak mahu mengikut. Sebab-sebabnya sebagaimana juga di Indonesia dahulu bahawa mereka itu takut pengaruh dan muslihat mereka kepada orang ramai hilang. Mereka tak dapat menunjukkan yang mana pengajaran-pengajaran Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu salah; dan apakala diminta mengeluarkan fatwa untuk menyalahkan ajaran Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu dikatakan mereka tiada berani membuatnya dengan berterus terang dan dengan rasmi – mereka bising-bising di belakang sahaja. Mereka tidak mahu berbahas oleh kerana mereka dikatakan tak sanggup bertentang untuk menindas hujah-hujah yang dibawa oleh pengajaran yang diajarkan olehnya.

Salah satu ajaran yang diajar oleh Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu kata wakil kita ialah Jumaat boleh didirikan dengan kurang 40 orang dengan diberinya alasan-alasan daripada Al-Quran dan Al-Hadith (sebagaimana juga yang disiarkan oleh Majlis Agama Islam Perlis dan juga telah ditulis oleh Abu Al-Mokhtar dalam ruangan seribu satu masalah di dalam majalah Qalam); membaca Bismillahirrahmanirahim boleh dibaca dengan suara yang kuat atau perlahan – inilah perkara-perkara pengajaran Tuan Haji Ibrahim Aqibi yang ditentang oleh alim ulama pondok itu.

Menurut pendapat wakil kita siaran-siaran yang disiarkan di dalam akhbar oleh “Mufti” Pulau Pinang dan Seberang Perai itu serta jemaahnya adalah ditujukan kepada Tuan Haji Ibrahim Aqibi tetapi hendak menuduh dengan berterang-terang mereka itu tidak berani dan sebab itulah boleh dinampak mereka itu membuat keterangan secara umum – dan tidak dengan cara berani dan berterus terang. Tujuannya tiada lain harus untuk mencuba memalingkan perhatian orang ramai kepada “agama baharu” yang berdasar kepada Al-Quran dan Al-Hadith yang diajar oleh Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu. Sekianlah keterangan daripada wakil kita tentang apa yang ada terjadi di sekitar perbuatan yang boleh kita pandang menggunakan agama untuk mencari pengaruh dan faedah – tidak menjalankan kehendak-kehendak agama dengan ikhlas dan tulus dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata daripada Al-Quran dan Al-Hadith – bukan daripada perkara-perkara yang dibangsakan kepada agama yang diterbitkan daripada perasaan dan fikiran seseorang.

Sekalipun kita belum dapat menyelam tentang ajaran-ajaran yang dibawa oleh Tuan Haji Ibrahim Aqibi itu tetapi daripada imbasannya dapatlah kita memberi pandangan bahawa aliran yang dibawa itu sudah terang membawa suatu ajaran berbalik kepada asal sebagaimana yang dipegang oleh orang-orang sudah wafat Rasulullah (SAW) dan sebagaimana juga sekarang yang telah dianjurkan oleh Ikhwatul Muslimin sebagai yang diterangkan

oleh Al-Syekh Hassan Al-Banna dan lain-lain pengikut Ikhwanul Muslimin oleh kerana orang-orang sekarang telah menampak bahawa aliran asal yang tertutup dengan adanya perkara-perkara yang berbelit-belit ditimbulkan di dalam pengajaran-pengajaran agama yang suci itu sehingga tidak lagi mereka itu berpegang kepada ketetapan-ketetapan Al-Quran dan Al-Hadith tetapi mereka melebihkan pendapatan-pendapatan dan fikiran-fikiran ulama yang tidak ada keterangan daripadanya sehingga apabila mereka itu dibaca berbahas yang dijadikan mereka hujah dan dijadikan alasan tidak lagi daripada Al-Quran dan Al-Hadith tetapi daripada “ulama ini berkata atau ulama itu mengatakan” bagaimana, bagaimana – padahal pada masa yang lampau alasannya ialah Al-Quran dan Al-Hadith dengan syarat bahawa Al-Hadith itu tidak menyalahi atau bertentang dengan alasan Al-Quran.

Kerana perbuatan qala dan qil ini orang-orang Islam telah banyak meninggalkan perintah menguatkan pendiriannya mendirikan hak-haknya untuk menjadi khalifah di bumi Allah. Banyak ulama-ulama yang dijadikan perkakas oleh penjajah Barat supaya mempengaruhi jiwa orang-orang kita berharap dan bekerja semata-mata untuk mati sehingga mereka itu mengadakan dan mengeluarkan Hadith-Hadith palsu bahawa “dunia ini syurga bagi orang kafir” padahal agama yang berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadith yang sebenar menyuruh pemeluk-pemeluknya bekerja untuk memuliakan agamanya dengan mencari keduniaan sebagai bekal kesejahteraan di akhirat kelak.

Agama Islam bukannya menyuruh ulama-ulama atau pendakwah-pendakwah agama datang bersyarah kepada sesebuah negeri dengan beberapa syarahan dan sambil itu menyuruh pengikut-pengikutnya sama ada tetap atau tidak mengadakan pungutan yang kemudian apabila ia belayar meninggalkan negeri itu ia membawa wang dua tiga puluh ribu ringgit sesudah tinggal di situ seminggu dia. Kaedah-kaedah dijalankan oleh pengikut-pengikutnya itu mengatakan bahawa ulama itu dai'e ila Allah, karamah alim, terbukti tatkala bersyarah menangs dan sebagainya, serbannya besar, tasbih tergantung

di leher padahal boleh dikatakan tidak ada satu perkerjaan yang dibuatnya untuk membangkitkan umat supaya celik, mengetahui dan melihat nikmat-nikmat yang diberi oleh Allah untuk meninggikan kemuliaan agamanya bahkan kerap kali mereka itu menjadi perkakas penjajahan Barat bukannya sahaja menjajah jasmani tetapi juga mereka redha bekerja untuk penjajahan rohani dengan memerintah taat kepada pemerintah dengan membawa dalil yang salah daripada kehendak dan tujuan Al-Quran itu.

Beginilah keadaan orang-orang kita, beginilah coraknya sebahagian daripada ulama-ulama kita sehingga telah pernah didatangkan pertanyaan kepada pengurus majalah ini oleh seorang Ahli Majlis Ulama Singapura dengan berkata: “Mengapa di dalam keterangan Abu Al-Mokhtar dibawa semata-mata daripada Al-Quran dan Al-Hadith - tidak dibawa kenyataan-kenyataan atau perkataan-perkataan ulama?”

Pengurus kita menjawab “adakah utama perkataan ulama atau Al-Quran dan Al-Hadith?” Mendengar jawab itu ulama itu berdiam diri. Ini ialah sebagai contoh kepada umum bahawa kita telah sampai kepada suatu masa tidak lagi menelan bulat kepada ludah-ludah ulama dengan mengambil berkat daripada perkataan serta mengambil azimat daripadanya serta membesarkan serbannya dan jubahnya kerana menuntut syurga tetapi kepada kita tiap-tiap sesuatu yang dibawa dan dibincang itu di hadapan kita hendaklah ada alasan yang tepat, alasan-alasan yang makqul oleh kerana kita tidak disuruh bertaklid buta. Ulama kepada kita adalah mereka yang memberi penerangan dan hujah-hujah yang tepat, memberi penyiasatan-penyiasatan yang maksum kepada hadith-hadith yang dibawa oleh kerana banyak hadith-hadith palsu telah diada-adakan orang terutama dalam masa “fitnah besar” di dalam zaman permulaan Islam dahulu. Kita mesti ingat bahawa “tidak ada agama bagi orang yang tidak berakal”.

Tuhan jualah yang akan menunjukkan kepada kita bahawa yang hak itu akan berdiri dan yang batil itu akan binasa adanya.